

13/04/2002

Malaysia ada asas kukuh bantah tambak laut: PM (HL)

Zulkifli Md Ali; Veena Rusli; Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mempunyai asas kukuh apabila mengemukakan bantahan berhubung isu penambakan laut yang dilakukan Singapura berhampiran perairan Johor.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu republik berkenaan membuktikan aspek yang didakwa tidak berasas kerana bagi Malaysia bantahan yang dikemukakan itu cukup jelas.

"Kenapa tidak berasas? Kita kena tahu (apa yang) tidak berasas. Dia (Singapura) kena tunjuk apa yang (dimaksudkan dengan) tidak berasas (sedangkan) kita berpendapat ia berasas," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan Persekutuan sempena lawatannya ke Kelantan, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas reaksi terbaru Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang dilaporkan masih kabur mengenai kebimbangan Malaysia.

Goh dalam laporan yang disiarkan menerusi sebuah stesen televisyen di Singapura semalam, berkata republik itu akan menangani kebimbangan Malaysia tetapi tidak pasti apa yang dikhuatiri Malaysia, sama ada kualiti air, pendapatan nelayan atau perubahan sempadan.

Goh berkata, Menteri Pembangunan Negara republik itu, Mah Bow Tan, memaklumkan bantahan Malaysia tiada asas langsung.

Isu penambakan laut di Selat Tebrau berhampiran perairan Johor mendapat perhatian selepas Berita Harian menyiarkan kebimbangan pelbagai pihak di Johor mengenai kesan projek itu yang boleh menjejaskan laluan kapal di kawasan berkenaan, alam sekitar dan pendapatan nelayan.

Oleh itu, kerajaan Malaysia mengemukakan dua nota bantahan, tetapi isu itu mencetuskan kontroversi apabila beberapa Ahli Parlimen Singapura mencemuh ahli politik dan media Malaysia yang didakwa memperbesarkan isu berkenaan.

Mengenai kenyataan Goh bahawa Singapura sudah memberi jawapan balas mengenai pakej penyelesaian isu dua hala, Dr Mahathir berkata, beliau belum menerima jawapan balas itu.

"Yang saya dapat adalah surat Lee Kuan Yew (Menteri Kanan Singapura) yang cuma berkata bahawa surat saya itu mengandungi perkara baru dan mereka perlu mengkaji cadangan yang dibuat oleh kita," katanya.

Malaysia dan Singapura kini juga berusaha menyelesaikan beberapa isu secara pakej merangkumi perjanjian baru bekalan air ke Singapura, pembangunan tanah stesen kereta api milik Malaysia di republik itu dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura.

Dr Mahathir berkata, sehingga kini Singapura belum memberikan sebarang maklumat balas terhadap cadangan Malaysia.

"Kita buat cadangan lain, dan kita nak respons daripada mereka. Dan kita tak dapat respons lagi," katanya.

(END)